SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 1 (A9)

Sejauh manakah janji-janji dalam Manifesto Kerajaan Negeri yang telah ditunaikan dan bagi yang belum ditunai, apakah kekangan atau halangan yang dihadapi sekarang.

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 2 (A85)

Minta kerajaan PH Johor mengemukakan 10 inisiatif baru yang telah dilaksanakan sama ada yang dinyatakan dalam Manifesto PH dalam PRU-14 atau langkah-langkah affirmatif membantu rakyat Johor.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 3 (A73)

Minta dinyatakan komitmen kerajaan serta mekanisme pelaksanaan bagi setiap janji manifesto 100 hari dan 5 tahun kerajaan Pakatan Harapan dalam PRU-14 yang lalu.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A9, A85 & A73)

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 4 (A52)

Minta menghuraikan skim rumah sewa beli yang dirancangkan di Negeri Johor.

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 5 (A175)

Apakah status terkini tawaran skim sewa & milik untuk perumahan mampu milik untuk rakyat negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD
(Jawapan bersekali untuk soalan A52 & A175)

Untuk makluman Yang Berhormat, pada ucapan Bajet tahun 2017, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM 20 Juta untuk membeli projek-projek perumahan bagi tujuan ditawarkan kepada mereka yang layak melalui Skim Sewa Beli. Program tersebut diteruskan menerusi Ucapan Bajet tahun 2018 oleh YAB Mantan Menteri Besar Johor dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM 30 Juta dan ditawarkan kepada kumpulan sasar melalui Skim Sewa Beli Jauhar Prihatin.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 30 Ogos 2017 telah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bilangan Perkara-Perkara Lain iaitu Kertas Bilangan (2) dalam fail SUKJ.SSI.200-2/1/28 dan telah mengambil keputusan iaitu di bawah Perkara 59.4.3 : Majlis SETERUSNYA BERSETUJU supaya senarai hartanah sebagaimana Lampiran 2 dimasukkan ke dalam Program Jauhar Prihatin yang akan dilancarkan semasa Ekspo Johor Berkemajuan.

Senarai hartanah sebagaimana di Lampiran 2 adalah seperti berikut:

- 6 unit rumah di Grandview 360, Taman Bayu Puteri, Johor Bahru
- 4 unit rumah di Paragon Suites @ CIQ, Johor Bahru
- 5 unit rumah di Tropez Residences, Johor Bahru
- 4 unit rumah di Twin Galaxy Residence, Johor Bahru
- 54 unit rumah di Pangsapuri Seri Mengkuang, Batu Pahat
- 15 unit kedai di Taman Setia Eco Casadia & Eco Hub
- 36 unit kedai di Perumahan Desa Rakyat, Kong-Kong
- 2 unit kedai di Pusat Komersil Taipan, Muar
- 1 unit kedai di Taman Dato' Chellam, Tebrau
- 1 unit kedai di Lot 5129, 5130, 5131, Kulai
- 3 unit kedai di Tropica Danga Cove @ Oasis, Johor Bahru
- 1 lot perniagaan di Taman Tampoi Indah 2, Johor Bahru
- 25 unit rumah di Pangsapuri Bukit Saujana, Johor Bahru
- 20 unit rumah di Persiaran Tanjung, Johor Bahru

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

- 10 unit rumah di Taman Tampoi Indah 2, Johor Bahru
- 18 unit rumah di Serantau Baru, Larkin
- 2,720 unit rumah di Pangsapuri Perpindahan Setinggan EDL
- 190 unit rumah di Taman Bukit Tiram
- 47 unit rumah di Perumahan Desa Paya Mengkuang
- 45 unit rumah di RMMJ Taman Molek

Program Skim Sewa Beli di bawah Jauhar Prihatin ini seterusnya dilancarkan oleh mantan YAB Mantan Menteri Besar Johor pada 13 Oktober 2017 di Program Ekspo Johor Berkemajuan 2017 bertempat di Kota Iskandar, Johor. Syarikat Generasi Takzim Sdn Bhd adalah anak syarikat di bawah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor yang telah diberi mandat oleh YAB Mantan Menteri Besar Johor untuk menjadi pelaksana bagi mengendalikan Program Jauhar Prihatin ini.

Melalui skim ini, setiap peserta yang layak berpeluang untuk memiliki rumah dengan kaedah sewa beli bagi tempoh maksimum 5 tahun. Bayaran sewa bulanan pula dibahagikan kepada 3 kategori dan sebahagian bayaran tersebut adalah bagi tujuan simpanan yang akan diperolehi kembali apabila tamat tempoh penyewaan antara 2 hingga 5 tahun. Simpanan tersebut boleh digunakan oleh peserta sebagai bayaran pendahuluan harga rumah untuk tujuan pembelian rumah tersebut selepas tamat tempoh penyewaan. Selepas tamat tempoh penyewaan antara 2 hingga 5 tahun, peserta akan ditawarkan Perjanjian Jual beli bagi membeli hartanah tersebut dan perlu mendapatkan sumber kewangan lain bagi menjelaskan baki harga rumah.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dikehendaki untuk memperincikan semula jumlah rumah yang akan dimasukkan ke dalam program ini dan ianya boleh ditambah dari semasa ke semasa tertakluk kepada pertimbangan selaras dengan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini sejumlah 13,882 unit rumah telah dijadikan projek di bawah skim sewa beli. Walau bagaimanapun, terdapat 8,459 unit projek sewa beli adalah di bawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) dan 5,423 unit adalah dibawah seliaan Generasi Takzim Sdn Bhd.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

Senarai projek di bawah seliaan SUK Perumahan adalah sebagaimana berikut :

BIL	NAMA PROJEK	BIL UNIT DIBINA	BIL UNIT DIISI	BAKI
1	Flat Taman Impian Emas	269	181	88
2	RAKR Lima Kedai	353	353	0
3	Rumah Teres Plentong	125	125	0
4	RAKR Suria Muafakat	9	9	0
5	RAKR Kg. Melayu I, Kluang	94	94	0
6	RAKR Kg. Melayu II, Kluang	211	211	0
7	RAKR Kg. Gajah, Kluang	96	92	4
8	RAKR Sri Lalang, Kluang	195	195	0
9	RAKR Yap Tau Sah, Kluang	379	379	0
10	Rumah Teres Renggam II	75	75	0
11	Rumah Rakyat Renggam, Kluang	30	30	0
12	Rumah Rakyat	6	6	0
13	Rumah Teres Simpang Renggam III, Kluang	45	45	0
14	Rumah Murah Renggam III, Kluang	193	192	1
15	RAKR Machap, Kluang	138	138	0
16	RAKR Paloh, Kluang	255	255	0
17	Rumah Teres Layang-Layang	120	120	0
18	RAKR Kg. Kenangan Dato'Onn I, Batu Pahat	135	135	0
19	RAKR Kg. Kenangan Dato'Onn II, Batu Pahat	123	123	0
20	RAKR Yong Peng II, Batu Pahat	108	108	0
21	RAKR Kg. Oren, Ulu Tiram	322	321	1
22	RAKR Kelapa Sawit, Kulai I	111	111	0
23	RAKR Kelapa Sawit, Kulai II	112	112	0
24	Rumah Rancangan Kilat Bukit Batu Kulai	6	6	0
25	Rumah Teres Kulai	107	107	0
26	RAKR Pekan Nenas I, Pontian	76	76	0
27	RAKR Pekan Nenas II, Pontian	74	74	0
28	Rumah Teres Benut Per I	80	80	0
29	RAKR Benut II, Pontian	193	193	0

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

BIL	NAMA PROJEK	BIL UNIT DIBINA	BIL UNIT DIISI	BAKI
30	RAKR Batu Anam, Segamat	223	221	2
31	RAKR Bukit Siput I	150	150	0
32	RAKR Chaah, Segamat	158	158	0
33	Kg. Kenangan Tun Dr Ismail III, Muar	270	270	0
34	Kg. Kenangan Tun Dr Ismail IV, Muar	306	306	0
35	Kg. Kenangan Tun Dr Ismail V, Muar	124	124	0
36	RAKR Pagoh, Muar	48	48	0
37	RAKR Pagoh II	74	74	0
38	RAKR Parit Jawa, Muar	94	94	0
39	RAKR Bakri, Muar	332	332	0
40	RAKR Pesta II, Maharani	140	140	0
41	Rumah Pangsa, Tangkak	302	299	3
42	RAKR Kg. Nelayan, Mersing	100	100	0
43	RAKR Endau, Mersing	156	156	0
44	Rumah Kilat Endau	12	12	0
45	RAKR Mersing Kecil	475	475	0
46	Rumah Pangsa Kangkar Pulai	44	44	0
47	Rumah Murah Larkin Per. III	7	7	0
48	Rumah K/tangan Kerajaan Larkin	3	3	0
49	Rumah Taman Desa Rahmat, Tampoi	380	380	0
50	Rumah Jenis Mara Per. II, Tampoi	92	92	0
51	RAKR Jalan Kota Kecil, Kota Tinggi	122	122	0
52	Rumah Murah Jalan Workshop (Tmn Muhibbah), Kota Tinggi	92	92	0
53	Rumah Jenis Mara Per. I, Tampoi	20	20	0
54	Rumah Pangsa EDL	94	80	14
55	PPR Kluang	600	0	600
56	Taman Gunung Selatan	1	1	0
JUMLAH KESELURUHAN		**8,459**	**7,746**	**713**

UNIT DEWAN,
PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI JOHOR
OGOS 2018 (ina)

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

Senarai projek dibawah seliaan Generasi Takzim Sdn Bhd pula adalah sebagaimana berikut :

	HARTANAH DITAWARKAN	UNIT	BIL PEMOHON
FASA 1	Pangsa Serantau Baru, Larkin, Johor Bahru	18	99
	Perumahan Desa Paya Mengkuang, Gelang Patah	54	22
	Pangsapuri Persiaran Tanjung, Tampoi, Johor Bahru	28	45
	Pangsapuri Bukit Saujana, Johor Bahru	25	55
	Pangsapuri Seri Baiduri @ Bandar Tiram, Ulu Tiram	190	249
	Taman Tampoi Indah II, Johor Bahru.	22	Belum Dibuka
	RMMJ Taman Molek	45	43
	Perumahan Desa Paya Mengkuang, Gelang Patah	47	Belum Dibuka
JUMLAH		**429**	**513**

	HARTANAH DITAWARKAN	UNIT	BIL PEMOHON
FASA 2	Pangsapuri Pemindahan EDL, Johor Bahru	1,360	Telah Dilancarkan
	Pangsapuri Pemindahan EDL, Johor Bahru	1,360	Telah Dilancarkan
JUMLAH		**2,720**	**-**

	HARTANAH DITAWARKAN	UNIT	BIL PEMOHON
FASA 3	Rumah Pangsa Cendana 1, Pasir Gudang	1,499	882
	Rumah Pangsa Cendana 2, Pasir Gudang	39	-
	Rumah Pangsa Sri Alam	240	Telah Dilancarkan
JUMLAH		**1,778**	**-**

	HARTANAH DITAWARKAN	UNIT	BIL PEMOHON
FASA 4	Rumah Pangsa Kluang • Blok E, Jalan Haji Manan • Blok A, B & C Taman Bersatu	 80 170	 17 38
	Rumah Pangsa Kangkar Pulai	44	Belum Dibuka
	Rumah Pangsa Segamat	48	Belum Dibuka
	Rumah Pangsa Batu Pahat	138	Belum Dibuka
	Bandar Dato Onn	16	Belum Dibuka
	Londang Batu, Endau Mersing	125	Belum Dibuka
JUMLAH		**496**	
JUMLAH BESAR		**5,423**	**1,788**

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 6 (A70)

Mohon nyatakan apakah rancangan kerajaan negeri dan bilakah akan dijalankan usaha membanteras aktiviti judi haram di semua premis di negeri Johor yang menjadi salah satu masalah sosial di negeri ini.

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 7 (A146)

Mesin Kuda masih lagi satu isu yang serius, setakat ini, apakah status untuk tindakan yang telah dijalankan untuk membanteras aktiviti ini.

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 8 (A167)

Apakah langkah-langkah kerajaan untuk membanteras kegiatan mesin kuda, sindiket perjudian ata talian (online) serta penjualan 'top up point' telefon bimbit di merata-rata tempat untuk kegiatan perjudian yang semakin ketara.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN
(Jawapan bersekali untuk soalan A70, A146 & A167)

Perjudian yang kian menular dan membimbangkan di negeri ini malah di peringkat nasional dapat dirujuk sebagai masalah disiplin sosial dalam kalangan masyarakat sehingga menjadi ranting jaringan jenayah dengan turut merangkumkan anasir seperti gangsterime, dadah, pelacuran dan nombor ekor pasaran gelap. Jenayah yang bertapak sejak hampir dua (2) dekad lalu telah berubah bentuk pendekatannya daripada sekadar mesin kuda, kini telah berselindung di sebalik capaian teknologi maklumat (ICT) melalui sindiket perjudian atas talian (*online gambling*) dan berselindung di sebalik penjualan poin nilai tambah (*top up point*) telefon bimbit.

Konsisten dan komited dengan penentangan terhadap gejala yang kian membarah ini, Kerajaan Negeri di bawah tampuk kepimpinan Pakatan Harapan akan menggandakan langkah yang telah dan bakal diambil dalam menterjemah usaha melumpuhkan kegiatan perjudian haram di negeri Johor seperti berikut:

1. Pemberdayaan (*empower*) Jawatankuasa Keselamatan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai dengan korum keanggotaan oleh Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyelaras, mengatur strategi dan mempersiap anggota yang terlibat dalam sebarang langkah dan tindakan penguatkuasaan berlandaskan bidang kuasa masing-masing.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

Penambahbaikan jawatankuasa ini akan dilaksanakan bagi memastikan langkah yang diambil berkesan dan bersifat tuntas selain meletakkan faktor keselamatan anggota terlibat sentiasa terjamin.

2. Menerusi jawatankuasa berkenaan, Kerajaan Negeri turut mengalu-alukan penglibatan dan kerjasama strategik rentas agensi perkhidmatan (atau utiliti) seperti SAJ Ranhill Sdn. Bhd. dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui langkah sekatan bagi setiap punca perkhidmatan (bekalan air dan elektrik) di premis yang terlibat dengan kegiatan perjudian. Usaha ini dilihat dapat membantutkan operasi kegiatan ini daripada berulang dan berterusan.

   Berbalik kepada perjudian atas talian pula, Kerajaan Negeri turut melihat perlunya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk bersama-sama mengekang dan menemukan langkah penyelesaian tuntas bagi kegiatan tersebut. Sebagaimana agensi perkhimatan, penglibatan SKMM amat dialu-alukan bagi menjayakan usaha membanteras perjudian secara bersepadu dan menyeluruh.

3. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri turut menyambut baik tindakan pihak PDRM menerusi pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) yang menekankan tentang langkah penguatkuasaan proaktif dan tegas dalam kalangan anggotanya bagi menjayakan usaha pembanterasan ini.

Seiring dengan pengumuman tersebut, operasi secara bersepadu atau bersendirian oleh agensi berkaitan akan diaktifkan setiap hari berteraskan moto ‘Tiada Hari Tanpa Ops’.

Sebagai pencerahan, bidang kuasa di peringkat Kerajaan Tempatan hanya terhad dalam ruang lingkup perlesenan yang secara langsung berkaitan dengan operasi pusat-pusat perjudian sahaja. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di serata negeri Johor melalui peruntukan Undang-undang Kecil (UUK) telah turut sama menggerakkan operasi membanteras aktiviti tersebut.

Majlis Perbandaran Kluang (MPK) merupakan antara PBT yang secara proaktif menguatkuasakan Undang-undang 49 Kecil Perlesenan Tred Perniagaan dan Industri MPK 2017 melalui Ops Casino Royale telah membanteras aktiviti perjudian atas talian di kawasan pentadbirannya dengan sebanyak 2,665 tawaran kompaun dikeluarkan bernilai RM2.27 juta.

Sebanyak 232 operasi yang melibatkan 240 premis telah dijalankan sejak November 2015 sehingga kini dengan sebanyak 179 operasi dilaksanakan oleh MPK bersendirian manakala baki 53 operasi dilakukan secara bersepadu bersama Jawatankuasa Keselamatan Daerah. Hasil daripada operasi tersebut telah menyaksikan penguatkuasaan UUK 49 terhadap premis-premis berkenaan dengan nilai sitaan sebanyak RM700,000.00 bersama pelbagai peralatan seperti komputer riba (*laptop*), CPU, mesin simulator dan peranti tab. Susulan daripada operasi

tersebut turut menyaksikan sebanyak 12 kertas siasatan telah dibuka untuk proses pendakwaan mahkamah ke atas pemilik dan pengusaha premis terbabit.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) melalui anggota penguatkuasanya menguatkuasakan Undang-undang Kecil Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MPPG) 2017 bagi melumpuhkan aktiviti perjudian haram di kawasan pentadbirannya. Sebanyak tujuh (7) operasi telah diadakan dengan tindakan dikenakan terhadap pemilik premis yang menjalankan aktiviti perjudian haram sehingga Jun 2018. Menerusi operasi tersebut, sebanyak 28 unit peranti tab, 112 unit monitor, 19 unit komputer riba (*laptop*), tiga (3) unit televisyen, 17 unit papan panel (*panel board*), 39 unit kerusi dan 16 unit meja telah disita.

Lanjutan daripada itu, tujuh (7) kertas siasatan telah dibuka terhadap pemilik premis pada tahun ini yang berdepan proses pendakwaan di bawah UUK 3(1), Undang-undang Kecil Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MPPG) 2017 kerana menjalankan perniagaan berunsur perjudian tanpa lesen daripada pihak MPPG.

Usaha membersihkan kegiatan perjudian haram ini turut diperhebat oleh Majlis Daerah Pontian (MDP) menerusi UUK 49, UUK Perlesenan Tred, Perniagaan dan Profesion MDP 2018 yang memperuntukan kuasa menutup premis mulai Julai 2018. Oleh yang demikian, MDP sedang aktif mempergiat operasi pembersihan aktiviti perjudian bagi kedai telekomunikasi mendapat syarat lesen yang telah dipinda bagi tindakan lanjut tentang pelanggaran syarat lesen bagi premis telekomunikasi seperti lesen dimiliki sebelum ini.

Rujukan yang terakhir adalah Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) yang mengenakan kompaun terhadap pemilik yang didapati bersalah di bawah UUK *Licensing of Trades Business Industries and Professions* (Majlis Daerah Kulai) 1982 Para 3 iaitu menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Peka akan kekangan yang dihadapi dalam menterjemah dan menjayakan usaha murni ini, Kerajaan Negeri akan membentuk Pasukan Bertindak Khas dengan menggabungkan para penguatkuasa dari seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor bagi menyokong usaha bersepadu Jawatankuasa Keselamatan Daerah sedia ada.

Pasukan yang perlu melapor terus kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi ini akan memainkan peranan seperti berikut:

1. Memantau pusat-pusat perjudian haram di seluruh negeri Johor dan sekaligus mewujudkan pengkalan data (*database*) yang menghimpunkan maklumat tentang rangkaian sindiket tersebut berdasarkan operasi risikan dan intipan;

2. Seterusnya, pasukan tersebut juga akan mengaturkan strategi bagi operasi-operasi secara rentas sempadan (*cross-border)* berpandukan kepada pengalaman di kawasan PBT masing-masing;

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

3. Menyelaras malah memperluas jaringan operasi bersepadu bersama agensi-agensi lain yang relevan;

4. Laporan terperinci berkala akan disedia dan dibentangkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi dengan disusuli langkah merangka kajian dan dasar untuk dibentangkan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Lantaran itu, Kerajaan Negeri menegaskan bahawa tiada lagi kompromi terhadap pemilik premis atau pengusaha pusat-pusat perjudian haram dan beriltizam untuk melumpuhkan kegiatan tersebut melalui Jawatankuasa Keselamatan Daerah sedia ada dan Pasukan Bertindak Khas yang dibentuk selain penglibatan agensi perkhidmatan dan orang awam sebagai mata dan telinga pihak Kerajaan Negeri.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 9 (A18)

Minta dinyatakan adakah bilangan 732,325 pekerjaan diwujudkan di Iskandar Malaysia akan terus meningkat?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Mengikut perancangan dan tindakan yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia, jumlah pekerjaan di Iskandar Malaysia (IM) dijangka akan terus meningkat menjelang tahun 2025 seiring dengan perkembangan positif ekonomi semasa. Sasaran-sasaran yang telah digariskan di dalam Pelan Pembangunan Komprehensif (CDPii); antaranya purata pertumbuhan KDNK 8% setiap tahun, KDNK per kapita RM42,631 serta mencipta sejumlah 800,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2025.

Ini dapat dilihat melalui pencapaian Iskandar Malaysia daripada indikator-indikator ekonomi, terutamanya sejak tahun 2010 sehingga kini, yang mana telah memberikan impak besar terhadap prestasi ekonomi secara keseluruhan bagi wilayah tersebut *(Sila rujuk jadual di bawah)*

Indikator ekonomi	Pencapaian (2007-2010)	Pencapaian semasa
Jumlah penduduk (juta)	1.62	2.02*
Pelaburan komited terkumpul (RM bil)	69.48	262#
Pelaburan direalisasi terkumpul (RM bil)	28.54	153.54#
Pelaburan direalisasi terkumpul / Pelaburan komited terkumpul (%)	41	59#
KDNK (RM million)	42,617	70,215*
KDNK per capita (RM)	26,470	34,838*
Jumlah pekerjaan diwujudkan	331,480	746,457^

Sumber: Laporan Comprehensif Development Plan (II) IRDA / Laporan Ekonomi Johor
*Note: # sehingga Mac 2018; ^ sehingga 2017; * sehingga 2016*

Terdapat seramai 1.4 juta penduduk yang bekerja di Iskandar Malaysia yang mewakili sekurang-kurangnya 60% daripada jumlah penduduk yang bekerja di negeri Johor. Manakala jumlah tenaga kerja turut meningkat kepada lebih daripada 215,000 sejak tahun 2010, dengan kadar purata pertumbuhan 5.2% setiap tahun.

Pencapaian ini adalah hasil daripada usaha yang berterusan untuk melaksanakan inisiatif dan program pembangunan modal insan di Iskandar Malaysia. Di antara inisiatif dan program yang sedang dijalankan termasuk:

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

i. Iskandar Malaysia Employment Grant (IMEG) – insentif kepada majikan bagi menggalakkan pengambilan tenaga kerja baharu daripada pelbagai golongan rakyat tempatan serta memberikan latihan kemahiran tinggi yang sewajarnya
ii. Iskandar Malaysia Professional Certification (IMPC) – inisiatif yang berasaskan latihan berkemahiran profesional yang berasakan konsep "work-based learning"
iii. German Dual Vocational Training (GDVT) – kolaborasi bersama Malaysian German Chamber of Commerce & Industry (MGCCI) bagi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti, berpendidikan dan berkemahiran tinggi dalam bidang TVET

Apa yang penting adalah untuk memastikan padanan modal insan mengikut permintaan dengan tawaran pekerjaan yang berkemahiran tinggi. Kami merasakan menjelang tahun 2025 nanti, 45% daripada jumlah pekerjaan yang di tawarkan di wilayah ini adalah dalam kategori tersebut.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB PUAN NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 10 (A157)

Setakat ini terdapat sebuah Pusat Kemahiran Asnaf Zakat MAINJ di Johor Bahru. Adakah kerajaan bercadang mewujudkan lebih banyak pusat ini di daerah Muar atau Zon Tengah untuk meningkatkan daya saing golongan asnaf?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Pusat Kemahiran Asnaf Zakat di Danga Bay Johor Bahru di tubuhkan pada tahun 2012 dan ianya bertujuan memberi latihan kepada asnaf zakat yang masih produktif untuk mengasah kemahiran mereka dengan modul-modul yang disediakan agar mampu hidup berdikari tanpa mengharapkan bantuan lagi seterusnya berjaya keluar dari kemiskinan.

Setakat ini MAINJ tidak bercadang untuk menambah jumlah Pusat Kemahiran Asnaf Zakat ini di daerah-daerah lain memandangkan ianya memerlukan kos yang besar. Namun begitu program-program pembangunan asnaf ini terus dijalankan di daerah-daerah melalui kerjasama dengan agensi-agensi lain terutama dari kerjasama penggunaan kemudahan sedia ada.

Dalam perkara ini kolaborasi bersama Kolej Komuniti, MARA dan KPYPJ turut dilaksanakan kerana disamping mereka mempunyai kemudahan tempat latihan yang baik mereka juga mempunyai tenaga pengajar mahir yang boleh membantu melatih asnaf-asnaf dan MAINJ bertindak sebagai penyelaras program asnaf ini.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 11 (A44)

Minta dinyatakan apakah status peruntukan projek pembinaan jalan baru pintasan di antara Sekolah Menengah ke Sekolah Rendah Felda Bukit Besar yang telah disempurnakan majlis pecah tanah oleh JKR pada 5 Mei 2018.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Projek pembinaan jalan baru pintasan di antara Sekolah Menengah ke Sekolah Rendah Felda Bukit Besar yang telah disempurnakan majlis pecah tanah oleh JKR pada 5 Mei 2018, masih dalam perancangan (reka bentuk).

Daripada maklum balas PPNJ, masih menunggu keputusan pihak ICU JPM sama ada projek ini diteruskan atau batal.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 12 (A119)

Apakah punca-punca air yang ada di Johor, berapa peratusan penggunaannya, berapa kos pengeluaran untuk setiap punca air tersebut. Sekiranya ada, berapa buah syarikat sudah dilantik untuk mengurus pengeluaran punca air bawah tanah dan apakah pencapaiannya serta kos yang telah kerajaan biayai.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Negeri Johor memerlukan sekurang-kurangnya 2,010 juta liter sehari atau 733,650 juta liter setahun. Sumber utama mentah diperolehi dari Lembangan Sungai Johor, Lembangan Sungai Muar, Lembangan Sungai Batu Pahat, Lembangan Sungai Pulai, Lembangan Sungai Sedili Besar dan Lembangan Sungai Endau. Menjelang tahun 2040, diunjurkan keperluan bekalan air di negeri Johor ialah 3,200 juta liter sehari atau 1,168,000 juta liter setahun.

Bagi menampung keperluan bekalan air kepada pengguna pada masa akan datang, kerajaan negeri telah merancang untuk membina Empangan Ulu Sedili Besar (Kota Tinggi), Empangan Sungai Meda (Muar) dan Empangan Sungai Mersing (Mersing). Selain daripada itu terdapat juga perancangan membina baraj bagi menghalang penerobosan air masin ke loji-loji rawatan air. Pembinaan barah dicadangkan di Sungai Ulu Sedili Besar (Kota Tinggi) dan Sungai Muar (Muar). Pembinaan empangan dan baraj ini akan dapat memastikan bekalan air yang mencukupi menjelang tahun 2040.

Pada masa ini sumber air bawah tanah masih belum diteroka oleh kerajaan negeri bagi dibekalkan kepada pengguna. Bagaimanapun, terdapat pengusaha-pengusaha individu atau syarikat yang telah mengabstrak air bawah tanah. Pada masa ini hanya terdapat 36 pengusaha yang mengabstrak air bawah tanah. Pengusaha-pengusaha tersebut telah pun dilesenkan. Kuantiti air bawah tanah yang diabstrak dianggarkan sebanyak 85.50 juta liter sehari atau 31,207.50 juta liter setahun.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 13 (A143)

Dalam usaha membina peribadi golongan belia yang mantap, usaha ini perlu dilakukan seawal mungkin. Adakah apa-apa program khas untuk remaja (12-18 tahun) yang tidak diuruskan oleh pihak sekolah yang boleh diguna pakai di peringkat DUN?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Mahkota di Dewan yang mulia ini, Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) merupakan salah satu program pengiktirafan oleh kerajaan yang bertaraf antarabangsa dan boleh dilaksanakan di peringkat akar umbi. Program ini terbuka kepada semua remaja berumur 14 hingga 25 tahun tanpa mengira agama, jantina, bangsa, serta ketidakupayaan fizikal. Program ini diperkenalkan pada tahun 1956 di United Kingdom dengan nama *"The Duke of Edinburgh's Award"* yang kemudiannya dikenali sebagai *"The International Award For Young People"* dan mula diperkenalkan di Malaysia semenjak tahun 2000.

Penyertaan remaja adalah berasaskan semangat sukarela bagi menghadapi cabaran dalam menempuhi alam kedewasaan seperti penerokaan potensi diri, tanggungjawab, kemahiran hidup, khidmat masyarakat dan kesungguhan. Setiap peserta dalam program ini perlu menjalani aktiviti yang merangkumi empat komponen utama iaitu khidmat masyarakat, kemahiran, rekreasi fizikal dan penjelajahan lasak mengikut jangka masa minimum yang telah ditetapkan bagi membolehkan peserta layak untuk dinilai bagi menerima Anugerah Gangsa, Perak atau Emas.

Program ini merupakan program yang dilaksanakan di peringkat akar umbi melibatkan sekolah-sekolah dan badan-badan bukan kerajaan seperti pertubuhan belia dan lain-lain sebagai Badan Operasi Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda.

Menurut rekod, Jabatan Belia & Sukan, bagi tempoh tahun 2009 sehingga 2018, sebanyak 25,485 penyertaan telah diterima di mana 16,744 penyertaan Gangsa, 7814 penyertaan Perak dan 927 penyertaan Emas. Justeru seramai 14,994 orang ditauliahkan Anugerah Gangsa, 4,208 orang Anugerah Perak dan 29 orang Anugerah Emas.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN 14 (A63)

Sila nyatakan berapa kes penyakit tangan, kaki dan mulut di Johor dalam bulan Julai 2018 dan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Jabatan Kesihatan Johor.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Penyakit HFMD merupakan penyakit endemik di Malaysia. Ia sering berlaku di kalangan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun dan disebabkan oleh jangkitan enterovirus dari famili picornavirus. Famili ini merangkumi 67 serotype manusia dan di antaranya termasuk polio virus, Coxsackie virus A dan B, Echovirus dan enterovirus (EV) 68 - 71.

Jangkitan penyakit HFMD kebiasaannya adalah ’self limiting’ iaitu akan sembuh dengan sendiri walau tiada rawatan. Akan tetapi penyakit HFMD akibat jangkitan EV71 boleh mengakibatkan komplikasi iaitu dehidrasi, encephalitis (keradangan otak), kegagalan jantung, kegagalan sistem pernafasan dan kematian.

Transmisi kuman penyebab HFMD adalah tinggi dan kejadian selalu berlaku dalam kelompok. Langkah pencegahan adalah perlu bagi memastikan tidak ramai yang dijangkiti, khususnya kanak-kanak. Penyakit ini disebarkan melalui cecair mulut , hidung dan najis. Dengan itu kebersihan diri dan persekitaran adalah amat penting untuk memutus rantai transmisi penyakit.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor melaporkan kes HFMD sebanyak 399 kes pada bulan Julai 2018 dengan kumulatif kes sebanyak 2,217 sehingga 21 Julai 2018 di Negeri Johor (Lampiran). Bilangan ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 38% berbanding kes HFMD pada tahun 2017, iaitu sebanyak 1,609 kes. Sehingga kini,TIADA kematian yang dilaporkan akibat penyakit HFMD di negeri Johor. Dari jumlah tersebut, sebanyak 320 kes melibatkan taska/ tadika/ tabika/ pra sekolah iaitu 14.4% dari keseluruhan kes HFMD Johor.

TINDAKAN KAWALAN DI NEGERI JOHOR

1. Aktiviti surveilans penyakit telah ditingkatkan untuk HFMD bagi tujuan mengenal pasti kejadian luarbiasa penyakit agar. Ianya juga bertujuan untuk mengurangkan mortaliti akibat komplikasi seperti Myocarditis dan Encephalopathy. Sehingga kini tiada kematian akibat penyakit HFMD dilaporkan di negeri Johor.
2. Siasatan di lapangan telah dijalankan untuk mengenal pasti keterukan kes yang dilaporkan di samping menjalankan aktiviti ’ Active Case Detection’. Nasihat kebersihan persekitaran rumah diberikan kepada ibu bapa dan premis terbabit

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

3. Taman bimbingan kanak-kanak yang terlibat dilawati oleh pasukan kawalan daerah untuk aktiviti kontak tracing dan melaksanakan promosi kesihatan. Sehingga 21 Julai sebanyak 1,999 premis pusat jagaan kanak-kanak telah diperiksa di negeri Johor dan 51 premis telah ditutup ekoran jangkitan HFMD
4. Pendidikan kesihatan pencegahan dan rawatan awal penyakit HFMD telah dipertingkatkan. Sebanyak 6086 pendidikan kesihatan telah diberikan kepada pengusaha pusat jagaan kanak-kanak, ibu-bapa dan orang awam, termasuk majlis dialog , taklimat dan ceramah, nasihat individu serta edaran bahan bahan pendidikan. Aktiviti ini akan diteruskan sehingga masalah penyakit HFMD berkurangan penularannya.

Lima pesanan utama di dalam langkah pencegahan HFMD:

i. Penjagaan kebersihan diri
ii. Penjagaan kebersihan persekitaran
iii. Amalan cuci tangan yang betul
iv. Pemeriksaan /saringan di pintu masuk (gatekeeping screening) di pusat jagaan kanak-kanak dan pre sekolah bagi gejala HFMD. Kanak-kanak yang disyaki mengidap HFMD tidak akan dibenarkan bersekolah dan perlu mendapat rawatan segera
v. Disinfeksi / nyahkuman permukaan-permukaan yang tercemar termasuk alat permainan kanak-kanak

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 15 (A45)

Bagaimana proses MAIJ dalam memastikan penerima asnaf zakat betul-betul sampai kepada golongan sasaran?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatannya kepada masyarakat Islam terutama golongan asnaf zakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meminimakan keciciran terhadap bantuan kepada golongan asnaf zakat ini. Antara pendekatan yang diambil ialah :

1. Mewujudkan Program Jejak Asnaf di setiap daerah yang berkonsep mencari golongan yang memerlukan bukan menunggu mereka datang ke pejabat zakat untuk memohon. Sejak dilaksanakan pada tahun 2015, lebih 3000 asnaf yang memerlukan dapat dikenalpasti kesusahannya dan seterusnya dibantu mengikut keperluan mereka. Ini tidak termasuk permohonan-permohonan yang diterima di kaunter-kaunter MAINJ.
2. Pelantikan Amil Agihan Zakat. Ketika ini terdapat 118 Amil Agihan Zakat di seluruh negeri Johor yang bertindak sebagai agen mencari asnaf dan juga sebagai rujukan masyarakat di mukimnya untuk membuat permohonan bantuan zakat. Kaedah ini dilihat sangat berkesan kerana mereka dapat sampai kepada setiap aduan dan golongan memerlukan dengan lebih cepat. Untuk memperluaskan lagi skop tugasan Amil Agihan Zakat ini bilangan mereka akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut mukim-mukim dalam negeri Johor.
3. Permohonan bantuan melalui talian. Setakat ini MAINJ telah melaksanakan permohonan bantuan melalui kaedah dalam talian pada beberapa skim bantuannya seperti permohonan yuran pendaftaran ke Pusat Pengajian Tinggi dan Bantuan Pakaian Sekolah. Kaedah ini lebih memudahkan para pelajar dan dapat dicapai walau di mana berada. Kaedah ini juga akan diperluas kepada skim-skim bantuan yang lain dalam masa terdekat seperti permohonan bantuan pelajar di luar negara.
4. Kaunter Bergerak MAINJ. Kaunter bergerak MAINJ juga salah satu daripada inisiatif sebaran maklumat zakat kepada masyarakat Islam di Johor. Selain menjalankan kempen kutipan zakat kaunter ini juga berperanan menjadi kaunter penjelasan berkenaan skim-skim bantuan zakat MAINJ dan kaedah permohonan.

Selain usaha berterusan yang digerakkan ini, sasaran pengagihan zakat juga diberi tumpuan yang besar kepada aspek pendidikan anak-anak asnaf serta pembangunan pendidikan agama untuk masyarakat Islam di Johor. Usaha ini dilihat lebih memberi kesan kepada pembangunan institusi keluarga asnaf agar generasi seterusnya mampu keluar dari kemiskinan dengan memperolehi pendidikan yang baik seterusnya mendapat pekerjaan yang menjamin kehidupan.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 16 (A11)

Sila nyatakan jumlah rumah berstatus Lot Bumiputera yang masih belum dijual sehingga sekarang.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 6,203 unit rumah berstatus Lot Bumiputera yang masih berbaki untuk penawaran daripada tahun 2016 sehingga 2018. Ini adalah kerana 2,900 unit daripada 6,203 unit tersebut telah dikeluarkan penawaran dan dalam proses mendapatkan pinjaman pembiayaan.

Selain itu, bagi makluman Yang Berhormat juga, ramai pembeli yang gagal mendapatkan pinjaman pembiayaan setelah penawaran dibuat dan beberapa faktor lain yang menyebabkan unit masih berbaki adalah seperti faktor kawasan, jenis kediaman, dan harga rumah yang mahal. Hal ini menyebabkan pemohon yang telah ditawarkan menolak tawaran bagi memiliki unit rumah tersebut.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI (BUKIT PERMAI)
SOALAN 17 (A135)

Apakah langkah kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah banjir kilat dan banjir air longkang di Taman Cantik Kulai.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap permasalahan banjir kilat dan air longkang yang berlaku di Taman Cantik, Kulai di terjemah oleh Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) yang bakal melaksanakan tindakan membaik pulih dan menaik taraf sistem saliran sedia ada sebaik mendapat kelulusan daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor bagi tujuan pembiayaan projek menggunakan wang ISF (*Infrastructure Service Fund*).

Skop kerja tersebut akan melibatkan rizab jalan negeri di bawah pentadbiran pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) juga selaku agensi pelaksana dengan melibatkan anggaran kos yang telah dinilai adalah sebanyak RM1.6 juta.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 18 (A61)

Pencahayaan, struktur jambatan, permukaan jalan dan garis jalan perlu ditambahbaik di sepanjang Jalan Labis, Jalan Ayer Hitam dan Jalan Paloh khasnya perlu tambah lampu jalan di persimpangan Jalan Persekutuan masuk ke Kg. Hj. Mean (Empangan Bekok) dan selekoh-selekoh.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Bagi penambahbaikan di sepanjang Jalan Labis, Jalan Ayer Hitam dan Jalan Paloh JKR telah memohon peruntukan sebanyak RM13.26 Juta bagi pembaikan pavemen,RM2.7 Juta bagi perabot jalan dan RM4.5 Juta bagi lampu jalan.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 19 (A100)

Minta dinyatakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam pembangunan sumber air berdasarkan tambahan permintaan bekalan air oleh Melaka dan apakah strategi Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air sentiasa mencukupi dan tiada gangguan sepertimana yang kerap berlaku di Loji Rawatan Air Simpang Renggam.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Kerajaan negeri telah memaklumkan kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan hasrat Kerajaan Melaka untuk mengabstrak air mentah Sungai Muar melebihi 35 juta gelen sehari. Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan kajian bagi mengenal pasti *yield* air Sungai Muar supaya tidak berlaku abstraksi air mentah berlebihan yang mana boleh menyebabkan penerobosan air masin ke loji-loji sedia ada. Pada masa ini kajian oleh Kerajaan Persekutuan tersebut masih di peringkat draf.

Sepertimana sedia maklum, sebahagian gangguan bekalan air adalah berpunca daripada pencemaran air mentah di sungai. Bagi Loji Rawatan Air Simpang Renggam contohnya, *Pollutant Removal System (PRS)* akan dibina oleh pihak SAJ Ranhill Sdn. Bhd. di Sungai Ulu Benut dalam jangkamasa terdekat bagi mengatasi masalah pencemaran ammonia yang berpunca daripada Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Renggam.

Pada masa ini, pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) juga sedang melaksanakan Projek Pengalihan Parit Bandar bagi mengatasi masalah pencemaran yang sering berlaku di sungai tersebut.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui BAKAJ juga sentiasa bekerjasama dengan jabatan-jabatan berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memantau serta menjalankan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang telah mencemarkan sungai serta berisiko menyebabkan pencemaran sungai. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh agensi-agensi berkaitan adalah dengan mengeluarkan kompaun ke atas premis terbabit, penggantungan lesen operasi, pembatalan lesen abstraksi air mentah dan penutupan operasi premis yang telah mencemarkan sungai.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah memasang tiga (3) unit alat pemantauan kualiti air di Sungai Johor bagi memantau kualiti air sungai serta sebagai sistem amaran awal sekiranya berlaku pencemaran di Sungai Johor.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN YSAHRUDIN BIN HAJI KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 20 (A129)

Bagaimana cara menjadikan kawasan mukim Ayer Hitam sebagai pusat pelancongan yang terkenal dengan hasil pertanian seperti nenas sebagai sumber tarikan pelancong berdasarkan Pelan Induk Pelancongan Johor 2014 – 2023.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Penyediaan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023 adalah bertujuan untuk merangka hala tuju pembangunan sektor pelancongan negeri Johor dalam tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2014 hingga tahun 2023. Tujuan penyediaan pelan induk ini adalah ke arah menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pelancongan bernilai tinggi menjelang tahun 2023.

Untuk makluman, enam perkara utama telah dijadikan sebagai asas di dalam pembentukan cadangan-cadangan pembangunan pelancongan di dalam pelan induk ini yang pada pandangan saya boleh juga dijadikan sebagai garis panduan oleh pihak-pihak berkaitan yang ingin membangunkan sesebuah kawasan itu sebagai destinasi pelancongan. Ini termasuklah di kawasan Yang Berhormat Bukit Naning iaitu di mukim Ayer Hitam.

Enam perkara berkenaan adalah sepertimana berikut iaitu :-

1. Mengenal pasti produk utama, produk sokongan serta produk komited yang terdapat dikawasan berkenaan untuk dijadikan sebagai pemacu kepada pembangunan industri pelancongan dikawasan berkenaan.

2. Mengenal pasti serta menilai tahap infrastruktur dan kemudahan sokongan seperti perhubungan jalan raya, pengangkutan, bekalan elektrik, sistem telekomuniksi, penginapan dan sebagainya yang terdapat dikawasan berkenaan untuk ditambah baik bagi keselesaan para pelancong.

3. Pengurusan destinasi yang merangkumi perkara-perkara seperti papan tanda selamat datang, penyelenggaraan, pusat informasi dan pakej pelancongan.

4. Memperhebatkan kempen promosi dan pemasaran melalui penerbitan risalah pelancongan, papan iklan, laman sesawang, fam trip dengan izin dan promosi atas talian.

5. Memperkasakan pembangunan modal insan dengan memberikan latihan berkaitan pelancongan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan mewujudkan budaya mesra pelancong dikawasan berkenaan.

6. Memberikan tumpuan terhadap aspek perancangan, pembangunan, penyelidikan dan pemantauan bagi meningkatkan penawaran kualiti pengalaman serta kedatangan pelancong ke kawasan berkenaan.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 21 (A12)

Sila nyatakan persediaan skuad olahraga Johor dalam menghadapi SUKMA Ke-19 Perak.

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Perak 2018 ini merupakan penanda aras kepada semua sukan yang disertai oleh Kontinjen SUKMA Johor pada kali ini. Sukan Olahraga merupakan salah satu sukan wajib dan merupakan sukan tumpuan bagi negeri Johor. Oleh yang demikian, perancangan khusus telah dijalankan sepanjang tahun 2017 dan 2018. Pemilihan atlet dilaksanakan secara menyeluruh pada setiap kejohanan yang disertai.

Pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah mengwujudkan satu Program Titanium 2020 yang mana program ini memberikan penumpuan khusus kepada beberapa jenis sukan termasuklah sukan olahraga. Dibawah program ini terdapat 2 lagi peringkat program iaitu Program Platinum & Gold. Sepanjang program ini dilaksanakan terdapat seramai 49 orang atlet olahraga yang berada dibawah program ini. Jumlah ini merupakan atlet yang berada di kedudukan 8 terbaik di seluruh Negara.

Bagi pasukan olahraga Johor pada temasya SUKMA kali ini seramai 49 orang atlet dan 10 orang pegawai serta jurulatih yang akan mengalas cabaran di Perak nanti. Daripada 49 orang atlet ini seramai 40 orang atlet yang masih boleh beraksi di SUKMA Johor 2020 nanti kerana Program Titanium 2020 ini memberikan tumpuan serta pencapaian di SUKMA Johor 2020 nanti. Sasaran awal pasukan olahraga Johor di SUKMA Perak 2018 ini ialah 3 pingat emas, 8 pingat perak dan 7 pingat gangsa.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN YSAHRUDIN BIN HAJI KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 22 (A132)

Nyatakan persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh dalam sistem saliran yang diselenggara mengikut berkala.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Pihak kerajaan sentiasa komited dan berusaha dalam membuat persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh setiap tahun. Bagi memastikan sistem saliran berfungsi dengan efisien, kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan secara berkala dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Selain itu, Pihak Kerajaan melalui JPS telah membangunkan Sistem Amaran Banjir yang diguna pakai untuk mengeluarkan amaran awal apabila kejadian banjir diramalkan akan berlaku di sesebuah kawasan. Sistem ini sangat membantu badan-badan kerajaan mahupun NGO dalam bersiap siaga bagi menghadapi musim tengkujuh.

Sebagai tambahan, Pihak Kerajaan tidak putus-putus berusaha untuk menaik taraf sistem saliran di kawasan-kawasan yang sering terjejas akibat banjir melalui projek-projek rancangan tebatan banjir (RTB). Melalui projek RTB ini sistem saliran akan dinaiktaraf selain pelbagai prasarana yang lebih kondusif akan disediakan untuk memperbaiki kelemahan perparitan sediada serta menyediakan kemudahan kepada orang awam. Namun yang demikian, pelaksanaan projek RTB ini adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan yang diberi serta keutamaan projek yang berkenaan.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI (BUKIT PERMAI)
SOALAN 23 (A136)

Daerah Kulai sehingga kini masih belum mempunyai asrama penuh untuk pelajar. Adakah kerajaan bercadang untuk membina sebuah asrama penuh bagi daerah Kulai.

YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN

Sekolah berasrama penuh (SBP) diwujudkan bagi menyediakan suasana persekolahan yang terancang, terkawal dan kondusif bagi mengembangkan potensi murid yang cemerlang ke arah melahirkan modal insan berkualiti.

Pada masa kini 69 buah SBP di seluruh Malaysia beroperasi keseluruhannya dan terdapat tujuh (7) SBP di negeri Johor iaitu :

1. Sekolah Tun Fatimah
2. Sekolah Menengah Sains Johor
3. Sekolah Menengah Sains Muar
4. Sekolah Menengah Sains Sultan Iskandar
5. Sekolah Menengah Sains Kota Tinggi
6. Sekolah Menengah Sains Sembrong dan
7. Sekolah Menengah Sains Batu Pahat

Pada masa kini SBP berkenaan mampu menampung kemasukan murid yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dari seluruh negara. Fokus utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada masa kini adalah untuk menaik taraf SBP sedia ada agar dapat menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif dan sempurna. KPM bersedia mempertimbangkan cadangan pembinaan SBP di daerah Kulai tertakluk kepada keperluan.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 24 (A125)

Bilakah jawatan-jawatan Ketua Kampung dapat diisi untuk menggantikan Ketua-Ketua Kampung yang telah ditamatkan perkhidmatan hujung Jun lalu oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan bekas Ketua-ketua Kampung Negeri Johor telah ditamatkan pada 31 Mei 2018 yang lalu. Pejabat-pejabat Daerah di Negeri Johor telah selesai mengiklankan kekosongan jawatan Ketua Kampung dan sedang menjalankan proses temu duga bagi jawatan Ketua Kampung. Jumlah permohonan calon-calon Ketua Kampung adalah sebanyak 1,624 permohonan melibatkan sebanyak 674 buah kampung di Negeri Johor.

Pentadbiran Daerah dijangka menyelesaikan proses penghantaran perakuan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor pada 31 Ogos 2018 dan setelah akuan muktamad diterima daripada Pejabat Menteri Besar Johor, pengisytiharan Ketua Kampung akan dibuat oleh setiap Pegawai Daerah. Pengisian jawatan Ketua Kampung dijangka akan selesai pada pertengahan bulan September 2018.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 25 (A58)

Apakah rancangan Kerajaan Negeri Johor supaya semua bangunan kerajaan dan swasta dilengkap dengan fasiliti yang bersesuaian dengan OKU termasuk dril jalan di tempat awam untuk OKU Penglihatan dan lift sesuai dengan ketinggian OKU dan sebagainya?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan inklusif berhubung kemudahan mesra golongan kelainan upaya (OKU) yang diterjemah menerusi Manual Garis Panduan dan Piaiwaian Perancangan Negeri Johor 2013 yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 30 Ogos 2013.

Menerusi manual tersebut, setiap bangunan kerajaan dan swasta yang dirancang hendaklah mematuhi piawaian kemudahan mesra golongan kelainan upaya. Sehubungan dengan itu, berikut adalah pencerahan tentang aspek dan elemen kemudahan yang dikehendaki di setiap bangunan dan institusi awam:

#	ASPEK/ELEMEN	KEMUDAHAN
1	Aspek Ketercapaian (*Accesibility*)	i. *Ramp;* ii. *Handrail;* iii. Laluan Pejalan Kaki; iv. Anjung Masuk Bangunan; v. Laluan Bertekstur; vi. Tangga/Tangga Automatik; dan vii. Lintasan Pejalan Kaki
2	Aspek Reruang	i. Ruang letak (parkir) kenderaan; **Huraian**: Kemudahan ruang letak kenderaan ditetapkan penyediaannya sebanyak 2% daripada jumlah keseluruhan ruang yang disediakan lengkap didatangkan dengan *ramp***.** ii. Tandas; iii. Bilik Persalinan/Penyusuan; dan iv. Hentian bas
3	Aspek Kemudahan Sokongan	i. Papan tanda kenyataan, papan tanda tunjuk arah dan keterangan bertulis; ii. Papan tanda khas; iii. Bangku/tempat duduk kekal (*fixed*) atau *built-in* lengkap bermeja; iv. Pondok telefon berbayar dan kemudahan

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

		seumpamanya; v. Peti surat/tong sampah; vi. Pagar, parit/longkang, halangan-halangan (pokok pasu bunga, tiang lampu, papan tanda dan kerb; dan vii. Tiang lampu isyarat melintas.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 26 (A65)

Mohon nyatakan apakah status projek menaik taraf simpang masuk Ke taman UPC Ayer Hitam Di FT 50 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kerja Raya dan telah mula dijalankan oleh Syarikat Seliasenggara pada bulan Mei yang lalu.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Kelulusan peruntukan sebanyak RM400k namun ditarik balik oleh JKR Malaysia melalui surat (23) JKR.600-2/1 JILID 6 bertarikh 01 Jun 2018

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB DATUK HAJAH SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 27 (A35)

Berapa kadar perceraian terkini bagi negeri Johor dan cadangan penyelesaian dalam mendidik ibu bapa untuk mengelakkan masalah ini?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah membangunkan **Kursus Parenting@Work danKursus Ilmu Keluarga@LPPKN** di mana pakej-pakej Modul KASIH dalam lima kitaran hidup berkeluarga telah memasukkan elemen seperti berikut:

i. Modul Keibubapaan Anak Kecil (Belaian KASIH)
ii. Modul Keibubapaan Anak Remaja (Mutiara KASIH)
iii. Modul Kebapaan (Pancaran KASIH)
iv. Modul Persediaan Perkahwinan dan Pemantapan Keluarga (Bahtera KASIH)
v. Modul Pembangunan Remaja (Permata KASIH)

Kursus Parenting@Work dan Kursus Ilmu Keluarga ini diaplikasikan dalam pelaksanaan ceramah, kursus, bengkel mahupun kem remaja melalui LPPKN Negeri. Selain itu, Kementerian juga melalui LPPKN mewujudkan mekanisme program kerjasama dengan NGO melalui permohonan geran bantuan khas perbendaharaan kepada NGO berbilang bangsa untuk melaksanakan program berteraskan keibubapaan, kekeluargaan dan pemantapan perkahwinan.

Melalui geran bantuan khas perbendaharaan ini, NGO boleh memohon melaksanakan program kekeluargaan kepada kumpulan sasar masing-masing. Setakat Januari hingga Julai 2018, seramai 266 orang peserta telah mengikuti kursus ini.

Selain itu, Kementerian melalui LPPKN juga telah melaksanakan program kursus pra-perkahwinan SMART START kepada pasangan yang akan dan baru berkahwin dengan usia perkahwinan di bawah 5 tahun. Kursus ini dilaksanakan dalam 4 bahasa pengantar iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Program ini juga turut diadakan secara kerjasama dengan NGO melalui pemberian bantuan khas kewangan bagi melaksanakan program tersebut. Melaluinya, NGO dari pelbagai bangsa dan Badan Agama boleh memohon untuk melaksanakan kursus pra-perkahwinan SMART START ini kepada kumpulan sasar masing-masing. Selain itu, untuk memperbaiki kerukunan keluarga, pihak LPPKN juga mengadakan perkhidmatan sesi kaunseling keluarga serta kursus-kursus berkaitan pengurusan emosi. Sepanjang tahun 2018 bermula dari Januari sehingga Julai, jumlah klien yang diterima ialah 25 klien berkenaan kes rumah tangga dan 85 klien untuk kaunseling kelompok yang memberi fokus kepada isu perkahwinan/keseimbangan antara keluarga dan kerja.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 28 (A68)

Mohon nyatakan adakah perancangan 'Low-Carbon Society' Iskandar Malaysia 2025 akan diteruskan? Kegagalan penggunaan oBike bagi daerah Johor Bahru memerlukan tindakan penyelesaian. Apakah penambahbaikan mengikut konteks terkini terhadap pelan tersebut.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Program Masyarakat Rendah Karbon (Low Carbon Society (LCS) untuk Iskandar Malaysia dan lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalamnya akan diteruskan bagi mencapai sasaran ditetapkan, selaras komitmen pada peringkat negeri, negara dan antarabangsa.

Beberapa pelan induk (*masterplan*) telah diwujudkan dan digunapakai oleh agensi berkepentingan seperti Pelan Pembangunan Komprehensif II (*Comprehensive Development Plan II*), Pelan Induk LCS, Pelan Induk Pengangkutan 2010-2030 (*Transportation Blueprint 2010-2030*), Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor 2015-2045 (*Johor Public Transport Masterplan 2015-2045*) dan *Masterplan for Cycle Lane and Pedestrian Walkway for Iskandar Malaysia, dengan izin*.

Pelan induk berkenaan telah mewujudkan garis panduan serta polisi dan juga telah mencadangkan beberapa inisiatif bagi membina dan menggalakkan penggunaan basikal sebagai salah satu mod pengangkutan alternatif dan sebagai perhubungan pertama dan terakhir (*first and list miles connectivity*).

Inisiatif ini juga membawa kepada gaya hidup berbasikal dan berjalan kaki sebagai aktiviti beriadah dan gaya hidup ke arah masyarakat yang lebih sihat serta menyumbang kepada pengurangan perlepasan karbon tanpa mengabaikan aspek keselamatan kepada pengguna basikal dan pejalan kaki.
Setakat ini, melalui Pelan Induk LCS, lebih 50 program telah dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan, pihak swasta dan masyarakat setempat.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti Green Economy Guideline (GEG); Green Accord Initiative Award (GAIA); Comprehensive Assessment System for Built Environment Efficiency (CASBEE), dengan izin; program perintis masyarakat rendah karbon Felda Taib Andak; program memasukkan elemen rendah karbon pada program Kawan Iskandar Malaysia (KIM); dan program Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC).

Program ini adalah merangkumi pelbagai tema seperti bangunan hijau, persekitaran hijau dan komuniti hijau. Sebanyak 10.7 peratus penurunan karbon intensiti dicatatkan bagi tahun 2016, berbanding tahun 2010. Sasaran pelan induk ini adalah penurunan 58 peratus karbon intensiti pada tahun 2025.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

Komuniti memainkan peranan penting dalam pelaksanaan bagi memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.

Bermula dari Kesedaran komuniti -> Perubahan Perilaku -> Gaya Hidup Rendah Karbon -> dan akhirnya diharap dapat Mencapai Sasaran Karbon Rendah.

Pelbagai program peningkatan dan pembangunan kapasiti serta kesedaran awam sedang dijalankan yang mana akhirnya akan menghasilkan komuniti yang lebih bertanggungjawab dalam bersama-sama menjaga kelestarian alam sekitar dan juga fasiliti awam.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 29 (A13)

Sila nyatakan jumlah kemasukan pesakit ke Hospital Tangkak bagi tahun 2015, 2016 dan 2017.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Jumlah kemasukan pesakit ke Hospital Tangkak bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 dinyatakan seperti berikut :

Tahun	Jumlah Kemasukan Pesakit
2015	4,760
2016	4,597
2017	4,717

Peningkatan kemasukan kes sebanyak 2.6% pada 2017 dari 2016 adalah merupakan rujukan semula kes dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar bagi *step-down care* seperti pemberian antibiotik intravena dan rawatan *dressing.*

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 30 (A164)

Apakah dasar-dasar kerajaan yang akan dilaksanakan untuk meringankan kos sara hidup serta menambahkan sumber pendapatan rakyat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri di dalam membantu meringankan kos sara hidup.

Diantaranya adalah :-

1. Pemberian insentif kepada anak Johor golongan bawah B40 yang dapat melanjutkan pengajian di peringkat diploma dengan nilai bantuan RM 500 manakala peringkat ijazah dengan nilai bantuan RM 1,000 secara "*one off*". Peruntukan kewangan ini disediakan oleh Yayasan Pelajaran Johor dan Permodalan Darul Ta'zim dengan kos RM 2.5 juta bagi tahun 2018,

2. Pemberian Skim Takaful Warga Emas dengan memfokuskan penerima akan mendapat manfaat berjumlah RM 1,000 seorang. Pihak pengurusan Perbadanan Islam Johor (PIJ) telah mengenalpasti sejumlah 11,200 orang penerima untuk tahun 2018 ini dengan implikasi kewangan sejumlah RM 560,000.

3. Inisiatif untuk pengurangan bayaran tunggakan sewa PPR sebanyak 50% secara "*one off*" dengan peruntukan implikasi kewangan sejumlah RM 651,000. Pemberian insentif ini disasarkan kepada penyewa PPR dengan kriteria yang akan di tetapkan layak untuk menerima oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Perumahan) Negeri Johor.

4. Inisiatif pengurangan bayaran lesen penjaja di bawah 16 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri Johor dengan kos RM 2.11 juta di peruntukan melibatkan 21,127 orang penjaja kecil yang telah dikenalpasti layak menerima dengan syarat yang di tetapkan.

5. Pemberiaan insentif 10 meter padu air percuma kepada rakyat negeri Johor dengan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri berjumlah RM 7.34 juta bagi tahun 2018 manakala RM 22.02 juta bagi unjuran kos untuk tahun 2019. Kerajaan negeri telah mengenalpasti sejumlah 229,307 orang penerima yang layak dan bakal menerima insentif ini dangan syarat utama mereka merupakan penerima BR1M yang berdaftar sebelum ini.

6. Pemberian Kad Sihat Johor kepada 4000 orang dibawah program e-kasih dengan kos RM1.2 juta bagi tahun 2018.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

7. Insentif pemberian kursus perkahwinan kelompok secara percuma yang diselenggara oleh Jabatan Agama Islam Johor dengan kos sebanyak RM 1.4 juta bagi tahun 2018 ini kepada bakal-bakal pengantin baru.

Kerajaan negeri prihatin dalam usaha menurunkan kos sara hidup, melalui pelaksanaan janji-janji Manifesto dan pelaksanaan pelbagai inisiatif lain yang dilihat mampu meringankan beban rakyat.

Antaranya ialah dengan merasmikan laluan baharu Perkhidmatan Bas Harapan Johor yang merupakan inisiatif kerajaan dalam usaha mengurangkan kos sara hidup dan menitikberatkan keperluan penduduk bagi kemudahan pengangkutan awam di kawasan pembangunan baru, terutamanya di Pagoh.

Laluan baharu perkhidmatan bas ini, termasuk laluan Muar – Pagoh, bermula dari Terminal Maharani ke Bukit Pasir ke Bandar Universiti dan berakhir di pekan Pagoh.

Selain itu, bas ini juga akan melalui tempat-tempat tumpuan utama termasuk Bandar Muar, Majlis Perbandaran Muar, Hospital Muar, Bukit Pasir, Bandar Universiti Pagoh dan Pekan Pagoh.

Laluan perkhidmatan bas ini juga akan diperluaskan lagi dalam masa terdekat dengan laluan bermula dari Terminal Maharani – Sungai Mati – Bukit Gambir – Panchor - Bandar Universiti dan berakhir di Pagoh.

Perkhidmatan bas ini adalah khusus untuk semua warganegara Malaysia.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB PUAN NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 31 (A156)

Sila nyatakan perkembangan pelaksanaan sistem tender terbuka sejak dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26 Jun 2018 lalu dan bilangan kontraktor Bumiputera yang dianugerahkan kontrak kerajaan negeri sejak sistem ini dilaksanakan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Perbendaharaan Negeri Johor telah mengeluarkan **surat pekeliling Pemurnian Tatacara Perolehan Negeri Johor** kepada semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri, semua Pihak Berkuasa Tempatan dan semua Ketua Badan Berkanun berkuatkuasa serta merta selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang telah membuat keputusan supaya Jabatan Kerajaan Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri melaksanakan tatacara perolehan mengikut syarat dan peraturan Arahan Perbendaharaan dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

Berdasarkan Laporan Lembaga Perolehan Negeri Tahun 2018, sebanyak tujuh (7) kertas taklimat tender daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan telah diterima dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan Negeri kepada kontraktor yang berkelayakan.

Sejak 26 Jun 2018, sebanyak 5 kerja-kerja gred G3 dan 2 kerja-kerja bergred G4 telah ditenderkan kepada pentender yang mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB).

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 32 (A166)

Berapakah bilangan keluarga miskin dan miskin tegas di negeri Johor? Adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula istilah miskin dan miskin tegar yang telah tidak bersesuaian dengan kos sara hidup yang melambung tinggi hari ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sehingga 31 Julai 2018, jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin dan Miskin Tegar yang berdaftar dalam sistem eKasih adalah sebanyak 24,134 KIR. Daripada jumlah tersebut sebanyak 167 KIR (0.7%) berstatus Miskin Tegar, 3,608 berstatus Miskin (14.9%) dan 20,359 (84.4%) berstatus Terkeluar.

Berdasarkan kajian daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 Jabatan Perangkaan Malaysia, istilah Miskin dan Miskin Tegar adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan 2014. Pendapatan Garis Kemiskinan bagi tahun 2016 masih dalam kajian untuk dimuktamadkan oleh Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

Walau bagaimanapun, kemiskinan bukan saja diukur dari jumlah pendapatan yang diterima sahaja tetapi Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) juga melihat beberapa indikator lain iaitu pendidikan, kemudahan asas setiap rumah, tahap kesihatan, taraf hidup dan pendapatan setiap keluarga tersebut.

SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 12 OGOS 2018

YB TUAN YSAHRUDIN BIN HAJI KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 33 (A131)

Nyatakan paras garis kemiskinan bagi miskin tegar di kawasan luar bandar dan bandar masih sama iaitu RM580.00 seisi rumah.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Paras Garis Kemiskinan (PGK) adalah pendapatan isi rumah yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai pengukuran kepada status kemiskinan bagi sesuatu isi rumah yang berdaftar dalam sistem eKasih. Mulai 20 Oktober 2015, Pendapatan isi rumah bagi Miskin Tegar di kawasan Luar Bandar dan Bandar adalah sebanyak RM580 manakala pendapatan per kapita Miskin Tegar di Bandar adalah RM140 dan di luar Bandar adalah RM130.